

## FAKTA LEBUHRAYA DUTA-ULU KELANG (DUKE)

- DIBINA oleh Projek Konsortium Lebuhraya Utara-Timur Kuala Lumpur Sdn. Bhd. (Kesturi) dalam masa lima tahun.
- KOS pembinaan RM892 juta dan siap enam bulan lebih awal daripada jadual asal.
- MENGHUBUNGAN Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE), Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (Sprint) dan Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2).
- PERJALANAN dari Jalan Duta ke Ulu Klang mengambil masa 8.5 minit sahaja berbanding 30 minit menggunakan laluan biasa.
- MELIBATKAN jarak 18 kilometer (km).
- MEMPUNYAI tujuh persimpangan bertingkat iaitu di Jalan Duta, Jalan Kuching, Sentul Pasar, Setiawangsa, Hillview, Bandar Dalam dan Greenwood.
- MEMPUNYAI lima susur masuk dan keluar iaitu Jalan Sentul, Jalan Semarak, Jalan 37/56, Jalan Pahang dan Jalan Ayer Panas.
- MEMPUNYAI tiga plaza tol iaitu Ayer Panas, Sentul dan Batu yang dilengkapi kemudahan tandas, surau dan tempat letak kereta.
- BEROPERASI secara sistem tol terbuka
- KADAR tol: RM2 bagi kenderaan kelas satu, RM3 (kelas dua), RM4 (kelas tiga), RM1 bagi teksi dan 70 sen bagi bas.
- 46 peratus perjalanan di DUKE adalah bebas tol
- MEMPUNYAI 12 kamera sistem pengawasan kawalan trafik yang dipasang di beberapa lokasi strategik.
- DILENGKAPI ciri-ciri terkini informasi trafik dan pengurusan sistem (MIS) dan sistem pesanan maklumat berubah (VMS).
- RONDAAN keselamatan 24 jam oleh peronda bermotosikal.



MENTERI Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor bersama Pengarah Urusan Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd., Datuk Haris Onn Hussein (tiga dari kanan) ketika majlis perasmian Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE) di Plaza Tol Batu KM3 Jalan Kuching, Kuala Lumpur, semalam. – BERNAMA